



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA  
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND AGRO-BASED INDUSTRY MALAYSIA)  
WISMA TANI  
NO. 28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
62624 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8870 1373/1378

Telefax : 03-8888 6906

E-mail : [pro@moa.gov.my](mailto:pro@moa.gov.my)

Homepage : <http://www.moa.gov.my>

**KENYATAAN MEDIA**  
**PENGEKSPORTAN SULUNG**  
**BUAH DURIAN SEJUK BEKU MALAYSIA KE CHINA**

Majlis pada hari ini adalah bertujuan untuk melancarkan pengeksporan sulung buah durian sejuk beku dalam bentuk biji dari Malaysia ke China. Ia merupakan detik yang bersejarah dalam industri pertanian negara.

Protokol pengeksporan durian sejuk beku dalam bentuk biji ini telah ditandatangani pada **20 Ogos 2018** di antara **YB Dato' Salahuddin Ayub, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani** dengan **Menteri General Administration of Customs People's Republic of China (GACC), Nie Yuefeng**; dengan disaksikan oleh **YAB Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir bin Mohamad** dan **Perdana Menteri China, Li Keqiang** di the Great Hall of The People, Beijing, China.

Susulan itu, pegawai-pegawai kementerian telah meneruskan rundingan untuk memuktamadkan Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat termasuk lawatan pemeriksaan oleh GACC di premis dan ladang durian terpilih pada 22 hingga 26 April 2019 yang lalu. Hasilnya, **kebenaran untuk mengekspor durian sejuk beku dalam bentuk biji (whole fruit) telah diberikan kepada kumpulan pertama iaitu lima (5) buah syarikat iaitu (i) Exofruits Industry Sdn. Bhd., (ii) JL Food Industries Sdn. Bhd., (iii) PHG Ever Fresh Food (M) Sdn. Bhd., (iv) Top Fruits Sdn. Bhd. dan (v) KAMI Food Services Sdn. Bhd.**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) berharap agar lebih banyak syarikat akan mendapat kelulusan mengekspor pada masa yang terdekat ini. Sehubungan dengan itu, saya menyeru kepada syarikat yang berminat agar merujuk dan mendaftar dengan Jabatan Pertanian (DOA) bagi memastikan mereka akan turut mendapat peluang untuk mengekspor ke China. Bagi memastikan kelangsungan industri ini dalam jangka masa panjang, pengusaha adalah diminta agar memainkan peranan untuk menjaga nama baik industri durian negara. Ladang-ladang perlu diurus berdasarkan Sistem Amalan Baik Pertanian seperti MyGAP dan keaslian buah-buah yang diekport mesti dijamin tulin.

Usaha Malaysia untuk menembusi pasaran China bagi buah durian **telah dimulakan sejak tahun 2007** lagi. Hasil rundingan di antara Kerajaan kedua-dua buah negara, Malaysia akhirnya telah

berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk ulas dan pes **bermula pada Mei 2011. Nilai eksport pada tahun 2018 dalam bentuk ini adalah RM9.445 juta (235.62 tan metrik)**

Dengan pengeksporan sulung buah durian sejuk beku dalam bentuk biji pada hari ini, akan bermulalah satu fenomena baharu di negara China. Kementerian menjangkakan sekurang-kurangnya **1,000 tan metrik durian** khususnya varieti premium akan menembusi pasaran China pada setiap bulan. Nilai kepada sumbangan eksport negara dijangka kira-kira RM0.5 billion setahun. Anggaran lebih tepat akan dapat disediakan apabila ianya mula memasuki pasaran China dan respons dari pengguna diperolehi kelak.

Kementerian yakin jumlah pengeluaran akan mencukupi bagi memenuhi pasaran tempatan, pasaran luar negara sedia ada dan yang terbaharu dari pasaran besar China. Susulan daripada bermulanya rundingan dengan pihak China beberapa tahun yang lalu, Kementerian telah menjadikan durian sebagai salah satu industri di bawah Sumber Kekayaan Baharu. Berbagai inisiatif dan program telah dilaksanakan seperti penanaman semula dan pemulihan ladang di bawah bimbingan DOA. Pada masa yang sama juga, pembukaan ladang-ladang secara komersial telah giat dimulakan. Hasilnya, **jumlah pengeluaran durian telah meningkat kepada 341,000 tan metrik durian pada tahun 2018 berbanding 211,000 tan metrik pada tahun 2017 (peningkatan sebanyak 61.9%)** dan dijangka akan terus meningkat pada tahun-tahun akan datang khususnya varieti premier seperti **Musang King (D197) dan Black Thorn (D200)**.

Sebagai salah satu sumber kekayaan baharu negara, industri durian akan memberikan pulangan yang lumayan kepada pengusaha-pengusaha yang sekaligus menjadikan durian sebagai komoditi eksport utama negara pada masa hadapan. Pengusaha juga perlu lebih kreatif dan inovatif untuk mempelbagaikan produk berasaskan durian bagi menghasilkan produk hiliran. Di samping itu, pengusaha digalakkan untuk merebut peluang sempena program Tahun Melawat Malaysia 2020 dengan menawarkan agropelancongan berasaskan durian iaitu Duriotourism. Selain daripada menikmati durian premium Malaysia di negara masing-masing, mereka juga boleh mendapatkan pengalaman di dusun-dusun durian melalui program Duriotourism yang akan dilancarkan kelak.

Kementerian ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas semua usaha dan komitmen yang tinggi daripada pelbagai pihak baik di pihak Kerajaan kedua-dua buah negara mahupun pemain industri.

**YB MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI**  
**17 JUN 2019**